



UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

**PERJUMPAAN LJM BERSAMA INSTITUSI DAN
PERSATUAN KEJURUTERAAN MALAYSIA
2026
&
PELANCARAN PELAN STRATEGIK LJM 2026–
2030**

**27 JANUARI 2026 (SELASA)
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID, KOMPLEKS
KERJA RAYA, KUALA LUMPUR**

SALUTASI YBM KERJA RAYA

**SALAM SEJAHTERA, SALAM MALAYSIA MADANI
DAN SALAM SEGULAI SEJALAI**

- 1. YANG BERBAHAGIA DATO' SRI Ir. ROSLAN
BIN ISMAIL,
YANG DIPERTUA LEMBAGA JURUTERA
MALAYSIA (LJM)**
- 2. YANG BERUSAHA Ir. DR. SHERLIZA BT ZAINI
SOORIA,
AHLI LEMBAGA LJM YANG JUGA Pengerusi
JAWATANKUASA PENGANJUR**
- 3. AHLI LEMBAGA LJM**
- 4. PEGAWAI - PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN
DAN AGENSI**
- 5. WAKIL – WAKIL INSTITUSI DAN PERSATUAN
KEJURUTERAAN**
- 6. RAKAN MEDIA**
- 7. DATUK / DATIN / TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) atas jemputan kepada saya untuk merasmikan **Perjumpaan LJM bersama Institusi dan Persatuan Kejuruteraan Malaysia 2026** pada hari ini. Saya juga dimaklumkan bahawa majlis ini turut diserikan dengan pelancaran Pelan Strategik LJM 2026–2030 sebentar lagi. Sesungguhnya, saya berasa amat berbesar hati dapat bersama-sama Tuan/Puan pada hari yang penuh bermakna ini.

MEMPERKASA PROFESION KEJURUTERAAN MENUJU MASA DEPAN CEMERLANG

Hadirin yang saya hormati sekalian,

2. Dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), bidang kejuruteraan yang merangkumi pelbagai sektor dan disiplin berdepan perubahan pesat hasil penerapan teknologi seperti Internet of Things (IoT), kecerdasan buatan (AI) dan robotik. Perkembangan ini menuntut pendekatan kerja yang lebih pantas, berfokus dan berdaya tahan agar profesion kejuruteraan terus relevan dan berdaya saing. Sehubungan itu, saya berharap program pada hari ini dapat dimanfaatkan sebagai platform strategik untuk merangka hala tuju yang jelas dan bermatlamat tinggi.
3. Saya menggesa semua pihak tanpa mengira disiplin atau sektor untuk memberikan sokongan penuh terhadap inisiatif LJM, khususnya dalam aspek kawal selia. Komitmen serta penyertaan aktif inilah yang akan menentukan keupayaan kita memenuhi

harapan rakyat terhadap perkhidmatan yang selamat, berkualiti dan berkesan.

4. Sehingga kini, LJM telah mendaftarkan lebih daripada 290,000 pengamal kejuruteraan sebagai *registered persons* dalam pelbagai kategori. Namun, saya yakin masih terdapat pengamal profesion kejuruteraan yang belum berdaftar dan perkara ini tidak boleh dipandang ringan. Saya ingin tegaskan di sini bahawa pendaftaran dengan LJM merupakan satu kewajipan dan ianya mandatori bagi setiap pengamal profesion kejuruteraan.
5. Sehubungan itu, para majikan sama ada di sektor awam mahupun swasta wajib menjadikan pendaftaran dengan LJM sebagai syarat utama kepada individu yang ingin memohon pekerjaan dalam bidang kejuruteraan. Tanggungjawab ini merupakan asas kepada integriti, kualiti dan kecekapan perkhidmatan bagi memastikan profesion ini disegani dan memberi manfaat berterusan kepada rakyat dan negara.
6. Baru-baru ini, saya dimaklumkan mengenai dakwaan bahawa jurutera pakar tempatan tidak diiktiraf sebagai profesional kerana kononnya ketiadaan modul kepakaran tersusun atau agensi pengiktirafan khusus, sehingga menjejaskan kerjaya dalam bidang kejuruteraan. Dakwaan ini adalah tidak tepat dan mengelirukan serta tidak berasas. LJM merupakan satu-satunya badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138) bagi mengawal selia, mendaftar dan mengiktiraf Jurutera Profesional. Laluan ke arah pengiktirafan ini adalah jelas, berstruktur dan telus melalui Peperiksaan Penilaian

Profesional atau *Professional Assessment Examination* (PAE). Selain itu, LJM telah sekian lama melaksanakan penilaian berasaskan hasil atau *outcome-based assessment* yang meliputi 30 disiplin kejuruteraan. Oleh itu, jurutera profesional tempatan diiktiraf secara sah dan setara dengan piawaian global, termasuk bidang kejuruteraan baharu.

7. Kepada rakan media yang bersama dengan kita pada hari ini, sampaikan mesej dengan jelas kepada rakyat bahawa KKR melalui LJM **TIDAK BERKOMPROMI** dalam soal kejuruteraan dan keselamatan awam. Saya ulang sekali lagi, setiap jurutera yang terlibat dalam pembangunan negara **WAJIB berdaftar dengan LJM**, dan pendaftaran ini mesti dijadikan **syarat utama pengambilan kerja dalam bidang ini**. LJM adalah **satu-satunya badan berkanun** yang mengiktiraf profesion kejuruteraan, termasuk jurutera pakar dan juga mengakreditasi program kejuruteraan di peringkat Diploma dan Ijazah bagi menjamin kualiti sejak awal. Semua langkah ini diwujudkan untuk **melindungi keselamatan dan kepentingan rakyat**, kerana jurutera adalah **jentera utama pembangunan negara**. Kerajaan ingin berikan yang terbaik kepada rakyat, kepada kita semua.

PELAN STRATEGIK LJM 2026–2030

Para hadirin yang dihormati,

8. Sebentar lagi kita akan menyaksikan pelancaran **Pelan Strategik LJM 2026–2030**. Pelan ini telah menetapkan hala tuju kejuruteraan negara melalui empat (4) teras utama iaitu, **Bakat, Tadbir Urus, Pengiktirafan dan Inovasi**. Ianya selaras dengan

Pelan Strategik Organisasi KKR 2026–2030 yang bertujuan meningkatkan keupayaan dan daya saing industri melalui pembangunan modal insan.

9. Pelan ini juga sejajar dengan dasar-dasar utama negara, termasuk **Dasar Pembinaan Negara 2030, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Malaysia MADANI** serta inisiatif daripada **Kertas Putih Gaji Permulaan Jurutera**. Keselarasan ini memastikan hala tuju strategik LJM mencerminkan aspirasi nasional yang lebih luas.
10. Selain itu, bagi memperkukuh penguatkuasaan LJM, **pindaan terhadap Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138) sedang diperhalusi oleh Kerajaan**. Pindaan ini adalah untuk **memperkukuh kuasa kawal selia LJM** demi memastikan pematuhan bagi melindungi kepentingan awam. Saya berharap pindaan penting ini dapat diluluskan dalam masa terdekat.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Di Kementerian Kerja Raya, mantra kami ialah *Sense of Urgency*. Dalam konteks kejuruteraan, *Sense of Urgency* bukan bermakna tergesa-gesa, sebaliknya bertindak dengan tegas, bertanggungjawab serta berfokus kepada matlamat yang jelas. Kelewatan dalam perancangan, kelulusan atau pelaksanaan boleh memberi kesan nyata, termasuk terhadap keselamatan, pertumbuhan ekonomi dan keyakinan awam. Justeru, marilah kita

bersama-sama, memikul tanggungjawab dengan bertindak secara kolektif demi kejayaan bersama.

12. Seiring dengan matlamat ini, saya ingin mengajak semua peserta agar terlibat secara aktif dalam program yang telah disusun oleh LJM pada hari ini. Bukan mudah untuk kita dapat berkumpul, apatah lagi memiliki platform rasmi untuk bersuara. Ambil peluang ini, gunakan sebaiknya. **Manfaatkan platform yang disediakan ini sepenuhnya supaya suara anda memberi impak sebenar dan bermakna.**
13. Akhir kata, dengan lafaz takzim, saya merasmikan Perjumpaan LJM bersama Institusi dan Persatuan Kejuruteraan Malaysia 2026 dan melancarkan Pelan Strategik LJM 2026–2030.

Sekian, terima kasih.